

Ke mana RM158 bilion dibelanjakan?

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD.SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM158 bilion atau 41 peratus daripada keseluruhan Belanjawan 2023 sehingga Mei lalu bagi tujuan meringankan kos sara hidup rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini termasuk beberapa pembiayaan utama di bawah Belanjawan 2023 yang antaranya melibatkan RM3 bilion bagi bayaran fasa pertama dan kedua Sumbangan Tunai Rahmah untuk 8.7 juta penerima.

Beliau menyifatkan ia sebagai pencapaian terbaik untuk suku tahun pertama berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Selain itu, sebanyak RM2.6 bilion bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada 1.3 juta penjawat awam dan lebih satu juta pesara.

"Lebih RM3 bilion bagi perbelanjaan subsidi bil elektrik yang memanfaatkan 9.7 juta pengguna elektrik.

"Lebih RM11 bilion bagi perbelanjaan subsidi produk petroleum petrol RON95, diesel dan gas cecair memasak dan lebih RM800 bagi tujuan Bantuan Awal Persekolahan yang



ANWAR Ibrahim ketika menjawab soalan dalam sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri pada Persidangan Dewan Rakyat semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

memanfaatkan lebih lima juta murid," katanya semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Seri Noraini Ahmad [BN-Parit Sulong] meminta kerajaan menyatakan jika kerajaan akan meneruskan pelaporan perbelanjaan dan pemantauan Belanjawan Negara.

Noraini turut bertanya mengenai pembaharuan dibuat oleh kerajaan dalam pendekatan serta tata kelola undang-undang atau peraturan untuk mengekang ketirisan dan kebocoran wang awam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, berkuatkuasa 1 Jun lalu, pemilihan rumah pertama menerusi Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-MILIKI) akan

diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman.

Katanya, pengecualian duti setem 100 peratus diberi bagi pembelian rumah berharga tidak melebihi RM500,000 dan pengecualian duti setem 75 peratus diberi bagi pembelian rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta.

"Kerajaan juga bersetuju su-

paya duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah secara kasih sayang melibatkan ibu bapa dan anak, datuk nenek dan cucu dikecualikan sepenuhnya terhadap kepada RM1 juta pertama nilai hartanah katanya.

Mengenai tata kelola undang-undang atau peraturan untuk mengekang ketirisan dan kebocoran wang awam, beliau berkata, antara arahan baharu telah dilaksana ialah perolehan kerajaan mesti telus dan terbuka, membatalkan kelulusan rundingan terus bagi projek belum dimuktamad dan ditender semula dengan segera terutama melibatkan projek-projek rakyat seperti tebatan banjir.

"Kerajaan melaksanakan pemberian subsidi lebih bersasar bermula dengan subsidi elektrik.

"Langkah-langkah lebih tegas dan giat dilaksanakan oleh badan penguatkuasa bersama-sama pihak industri bagi mengekang ketirisan hasil dan subsidi angkara sindiket penyeludupan seperti diesel, arak dan rokok, menamatkan unsur monopoli dalam sektor ekonomi termasuk dalam pengimportan makanan.

"Laporan Ketua Audit Negara pertama kali dibahas di Dewan Rakyat bagi meningkatkan akauntabiliti setiap kementerian dalam melaksanakan program dan projek," katanya.